

Hong Leong Growth Fund

Mencari peluang untuk potensi pertumbuhan



\$ Tumpuan pilihan saham kepada syarikat-syarikat yang beroperasi dalam sektor pertumbuhan tinggi

Memilih syarikat yang:

- Menunjukkan kebarangkalian tinggi untuk mencatatkan kadar pertumbuhan lebih tinggi dari pasaran dan/atau industri
- Memiliki kumpulan pengurusan berkemampuan tinggi dan profesional serta mempunyai pencapaian pertumbuhan yang mampan
- Mempunyai model perniagaan yang lestari dan boleh dicapai dengan produk yang sentiasa memenuhi keperluan pasaran

\$ Perolehi potensi pendedahan kepada pasaran asing sehingga 30% untuk kepelbagaian

\$ Potensi agihan pendapatan tahunan

Kategori Dana	Ekuiti
Jenis Dana	Pertumbuhan & Pendapatan
Penilaian Risiko Produk	Tinggi
Objektif Pelaburan	<p>Untuk menyediakan tahap pulangan pendapatan secara tetap* yang menarik** kepada pelabur dan peningkatan modal ke atas nilai unit dengan kadar risiko yang boleh diterima.</p> <p>* Tumpuan utama Dana adalah pertumbuhan modal dengan sedikit tumpuan kepada pendapatan. Pendapatan mungkin diaghikhkan dalam bentuk tunai dan/atau unit.</p> <p>** Dana bertujuan untuk menyediakan pulangan mampan risiko-diselaraskan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pendapatan sejajar dengan prestasi penanda aras dan dasar agihan Dana, namun ia tidak dijamin.</p>
Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)	Ekuiti : Minimum 70% Sekuriti pendapatan tetap: Maksimum 30%
Pelaburan Awal Minimum	Pelaburan tunai atau Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
Pelaburan Tambahan Minimum	Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
Caj Jualan	Pelaburan tunai: Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Skim Pelaburan Ahli KWSP: Sehingga 3.00% dari NAB seunit
Yuran Tahunan Pengurusan	1.50% setahun
Yuran Tahunan Pemegang Amanah	0.06% setahun

Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)

Hong Leong Asset Management Bhd merupakan salah satu Institusi Pengurusan Dana yang dilantik di bawah SPA-KWSP. Ahli KWSP boleh melaburkan tidak lebih daripada 30% lebihan simpanan pada Simpanan Asas dalam Akaun 1 ke dalam produk melalui Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan. Amaun minimum pengeluaran pelaburan adalah RM1,000 dan pelaburan boleh dibuat sekali pada setiap tiga bulan dari tarikh pengeluaran terakhir. Sila rujuk jadual Simpanan Asas KWSP terkini untuk menentukan kelayakan pelaburan. Sila hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan Kami untuk senarai terkini Dana. Ahli KWSP yang ingin membuat tukaran di bawah SPA-KWSP tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.

Penafian: Risalah ini tidak pernah diseramak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 18 Ogos 2023 (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyorkan atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pengedar sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau bukan indikasi prestasi akan datang. Di mana agihan/pecahan unit diisytiharkan, pelabur dimaklumkan bahawa NAB seunit akan berkurangan dari NAB sebelum-agihan/NAB sebelum-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diaghikhkan. Di mana pembayaran unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyata pendedahan risiko pembayaran unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko matawang, risiko penerbit tunggal dan risiko negara. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan.

